



# SPECTRUM

MSAE

ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 01/2019

## KONVENSYEN KEBANGSAAN KEJURUTERAAN PERTANIAN & MAKANAN 2019

MSAE telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian & Makanan kali ke-3 pada 21 Mac 2019 di Wisma Tani, Putra Jaya dimana Jabatan Pertanian telah menjadi tuan rumah. Konvensyen ini yang bertemakan "Peranan Jurutera Melestari Agroindustri dan Makanan Negara" telah dirasmikan oleh YB. Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani.

Turut hadir di dalam majlis perasmian adalah YB. Dato' Mohd Sallehuddin b. Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, YB. Dato' Jamal Harizan bin Yang Razali, Ketua Pengarah, Jabatan Pertanian Malaysia, Dato' Hj. Munir Bin Hj. Mohd Nawi, Jabatan Perikanan Malaysia dan semua Pengarah Jabatan dan Agensi, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian.

Penganjur Bersama yang terdiri daripada Jabatan Biologi Dan Pertanian, UPM; Jabatan Proses Dan Makanan, UPM; MARDI; MPOB, Lembaga Pertubuhan Peladang; KADA; UiTM; Jabatan Perikanan, Felcra, Lembaga Getah Malaysia; Politeknik Kota Bharu; IADA Barat Laut; Nahrin dan FRIM. Peserta konvensyen yang hadir daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang berjumlah hampir 400 orang.



Gambar 1: Peserta yang menghadiri Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian & Makanan 2019.



Gambar 2: YB. Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani telah memberikan ucapan dan merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian & Makanan

## PENYERAHAN MEMORANDUM MSAE KEPADA MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

Sempena dengan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian & Makanan 2019, penyampaian Memorandum bertajuk "Memperkasakan Peranan Jurutera Pertanian Dan Jurutera Makanan Dalam Memacu Industri Agro-Makanan Negara" telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr Rosnah Shamsudin, Presiden MSAE kepada YB. Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani. Diharapkan dengan penyerahan Memorandum ini dapat memperkasakan profesyen Kejuruteraan Pertanian dan Makanan di Malaysia sejajar dengan kedaulatan makanan negara



Gambar 3: Penyerahan Memorandum bertajuk "Memperkasakan Peranan Jurutera Pertanian Dan Jurutera Makanan Dalam Memacu Industri Agro- Makanan Negara" kepada Menteri Pertanian & Industri Asas Tani.

## TANDATANGANI MOU DIANTARA MSAE & adiCET

Sempena mentauladani Teknologi Hijau maka MSAE telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan *Asian Development College for Community Economand Technology* (adiCET), Chiang Mai Rajabhat University, Thailand sempena dengan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian & Makanan 2019. MSAE telah diwakili oleh Presiden MSAE iaitu Prof. Madya Dr Rosnah Shamsudin manakala bagi pihak ADICET diwakili oleh Dr. Nuttiya Tantranont, Timbalan Dekan adiCET yang turut disaksikan oleh YB. Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani.

ADICET adalah satu komuniti yang telah dibangunkan di ChiangMai, Thailand yang berasaskan "TEKNOLOGI HIJAU", bermula dengan penggunaan solar untuk menjana tenaga elektrik sehinggalah menggunakan biogas sebagai sumber bahanapi untuk memasak. Rekabentuk rumah kediaman yang terdapat di adiCET adalah sesuai dengan penggunaan tenaga yang dihasilkan dari tenaga solar ini. MSAE mengambil peluang ini untuk mempelajari konsep yang sama agar dapat dipindahkan ke negara Malaysia.



Gambar 4: Pertukaran MOU diantara MSAE dan adiCET yang disaksikan oleh Menteri Pertanian & Industri Asas Tani



Gambar 5: Tandatangan MOU diantara Presiden MSAE dan Timbalan Dekan adiCET, Thailand

## PROGRAM BUALBICARA

Program bualbicara yang bertajuk "Peranan Jurutera Melestarikan Agro Industri dan Makanan Negara" juga telah diadakan bersempena dengan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian & Makanan 2019. Panel Jemputan terdiri dari YB. Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, Tuan Haji Abd Rahim Shuib dari MPOB dan Datuk Franki Anthony Dass dari Sime Darby. Manakala Ir. Dr. Wan Ishak Wan Ismail telah bertindak sebagai moderator.



Gambar 6: Program Bual Bicara yang bertajuk "Peranan Jurutera Melestarikan Agro Industri dan Makanan Negara"

## LAWATAN KE BOOTH PAMERAN

YB. Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani juga turut sama melawat tapak pameran dari agensi dan industri.



Gambar 7: Lawatan oleh Menteri ke tapak pameran MSAE



Gambar 8: YB Menteri telah menanam pokok sempena "World Planting Day" oleh UITM Melaka yang telah direkodkan dalam Malaysian Book of Record